

Latihan 3

Pilih jawapan yang betul

1. Air kopi itu terasa _____ kerana belum dibubuh gula.
 - A. kelat
 - B. pahit
 - C. manis
 - D. masin
2. Puan Teoh menguli adunan kuih pau itu sehingga _____.
 - A. liat
 - B. keras
 - C. lembut
 - D. lembap
3. Pusat peranginan itu terletak _____ daripada kebisingan kota.
 - A. jauh
 - B. dekat
 - C. hampir
 - D. lama
4. Permukaan lantai itu menjadi _____ setelah dimop oleh ibu.
 - A. lembut
 - B. halus
 - C. kasar
 - D. licin
5. Pakaian Syafik _____ kerana dia terkena hujan semasa dalam perjalanan ke sekolah.
 - A. halus
 - B. basah
 - C. kembang
 - D. sejuk
6. Hang Tuah sangat terkenal sebagai pahlawan Melayu yang _____.
 - A. berani
 - B. takut
 - C. elok
 - D. jahat
7. Semua kenderaan bergerak _____ kerana berlaku suatu kemalangan jalan raya yang dahsyat di Jalan Lintang.
 - A. perlahan

- B. deras
 - C. laju
 - D. gopoh
8. Pihak polis telah mengambil tindakan _____ untuk mengatasi masalah jenayah yang semakin menjadi-jadi sekarang.
- A. lama
 - B. segera
 - C. lampau
 - D. lewat
9. Lagu Melayu asli nyanyian penyanyi terkenal tanah air itu sungguh _____.
- A. garau
 - B. merdu
 - C. biru
 - D. kuat
10. Warna _____ pada Jalur Gemilang melambangkan kebesaran raja-raja Melayu.
- A. Merah
 - B. biru
 - C. kuning
 - D. putih
11. Ah Meng dan kawan-kawannya sedang mengepam bola-bola yang _____ itu di dalam stor sukan.
- A. lonjong
 - B. kempis
 - C. lurus
 - D. kemik
12. Tikar yang diperbuat daripada mengkuang itu _____ buatannya.
- A. jelas
 - B. keras
 - C. tegap
 - D. halus
13. Pengemis itu makan nasi dengan _____ kerana terlalu lapar.
- A. pantas
 - B. perlahan
 - C. lembut
 - D. gelojoh

14. Besi pembahagi jalan itu _____ setelah dilanggar sebuah lori membawa beras.
- A. bengkok
 - B. bujur
 - C. kempis
 - D. lonjong
15. Penghulu itu berasa sungguh _____ terhadap penduduk kampung kerana anaknya terlibat dalam kegiatan jenayah.
- A. rindu
 - B. malu
 - C. sayang
 - D. benci

Latihan 4

Pilih jawapan yang betul

1. Ketua pasukan Rumah Merah _____ piala yang dimeangi pada Hari Sukan.
- A. memikul
 - B. mengelek

- C. menjulang
 - D. mengandar
2. Abang _____ motosikal bapa ke sekolah pada setiap pagi.
- A. membonceng
 - B. menunggang
 - C. mengayuh
 - D. menaiki
3. Aisyah _____ halaman buku teks itu dengan cermat.
- A. menyelak
 - B. menampal
 - C. membalut
 - D. mengalas
4. Adik _____ lilin yang terletak di atas kek hari jadinya.
- A. mematikan
 - B. menyalakan
 - C. memasang
 - D. menghembuskan
5. Emak sibuk _____ baju di ruang tamu.
- A. mengukur
 - B. melipat
 - C. menggosok
 - D. menjahit
6. Kakak sedang _____ nasi manakala ibu sedang menggoreng sayur.
- A. menyalai
 - B. menjerang
 - C. menanak
 - D. memanggang
7. Bawang merah itu _____ nipis sebelum dimasukkan ke dalam kuah.
- A. dibedah
 - B. dibelah
 - C. disiang
 - D. dihiris
8. Amin _____ di hadapan pintu rumah sementara menunggu ibunya membukakan pintu.
- A. terjatuh
 - B. tercegat
 - C. terhenti

- D. terduduk
- 9. Longkang di tepi jalan itu _____ akibat pembuangan sampah sarap.
 - A. terdesak
 - B. terhimpit
 - C. tersumbat
 - D. terbantut
- 10. Puan Mei ling _____ jus oren yang segar itu ke dalam gelasny.
- A. memercik
 - B. melimpah
 - C. menuang
 - D. merenjis
- 11. Datuk dan nenek sedang _____ tentang kehidupan mereka pada zaman pendudukan Jepun dahulu.
 - A. bersebang
 - B. berpesan
 - C. berhubung
 - D. berkata
- 12. Encik Lai _____ perniagaan runcit secara kecil-kecilan.
 - A. mengadakan
 - B. menjalankan
 - C. menerbitkan
 - D. menjelaskan
- 13. Para nelayan _____ jala yang rosak pada musim tengkujuh.
 - A. menampal
 - B. menyulam
 - C. menenun
 - D. menyirat
- 14. Matahari _____ di sebelah barat.
 - A. terhempap
 - B. terbenam
 - C. terhempas
 - D. termasuk
- 15. Datuk sedang _____ rumput yang panjang di belakang rumah.
 - A. menggunting
 - B. menyabit

- C. mengasah
- D. menoreh